

MANUAL PERLAKSANAAN INSENTIF PEMBAJAKAN KEPADA PESAWAH-PESAWAH

1.0 PENGENALAN

Manual Pelaksanaan Insentif Pembajakan kepada pesawah-pesawah ini merupakan panduan kepada pihak pengurusan dalam merancang, melaksana, memantau dan mengesan pelaksanaan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah-Pesawah.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan, RMKe9 (2006 – 2010), Kerajaan telah menetapkan sasaran pengeluaran padi negara untuk mencapai 90% tahap sara diri (SSL) beras dan meningkatkan pendapatan pesawah-pesawah melalui aktiviti pesawahan mereka. Walau bagaimanapun, kenaikan kos pengeluaran di antara 37% - 46% semusim akibat kenaikan harga baja, racun perosak, diesel, peralatan dan sebagainya telah menyebabkan pendapatan bersih pesawah merosot sebanyak 20% - 40% dan ini dijangka akan memberi impak kepada pencapaian matlamat Kerajaan ini.

2.2 Bagi mengurangkan bebanan kos yang sedang ditanggung oleh pesawah, Kerajaan telah memperkenalkan insentif pengeluaran padi yang berkuatkuasa musim menanam bermula 1 Mac 2007 yang terdiri daripada bantuan upah membajak pada kadar RM100.00 sehektar semusim dan bantuan input pertanian maksimum RM140.00 sehektar semusim.

3.0 TUJUAN

3.1 Tujuan pemberian insentif ini adalah untuk membantu mengurangkan bebanan kos pengeluaran yang ditanggung oleh pesawah terutama akibat daripada kenaikan kos diesel dan seterusnya kos membajak.

4.0 TUGAS-TUGAS DAN PERANAN JABATAN/AGENSI SERTA MEREKA YANG

TERLIBAT

4.1 Bagi mencapai matlamat insentif ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Jabatan serta Agensi akan memainkan peranan seperti berikut:-

A. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

- i. Membuat dasar dan perancangan keseluruhan pelaksanaan insentif.
- ii. Menimbang dan meluluskan keperluan peruntukan tahunan.
- iii. Menyelaras semua aktiviti jabatan/agensi yang terlibat dalam pelaksanaan insentif.

B. Jabatan/Agensi (LPP, MADA, KADA, Jabatan Pertanian Sarawak)

- i. Menyelaras, mendaftar, mengawal dan menyelia pelaksanaan Insentif Pembajakan kepada pesawah.
- ii. Mendaftar pemilik-pemilik jentera di bawah Insentif Pembajakan Kepada Pesawah-Pesawah.
- iii. Memastikan insentif pembajakan ini dilaksanakan dengan sempurna tanpa kebocoran.
- iv. Mengenalpasti pusat (PPK) yang bersesuaian untuk menyelaras aktiviti pembajakan kepada pesawah.
- v. Memantau perkhidmatan pembajakan yang disalurkan mengikut negeri, zon atau kawasan.
- vi. Membuat tuntutan peruntukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
- vii. Menyemak dan mengesah bil tuntutan Insentif Pembajakan kepada pesawah oleh pemilik jentera melalui PPK.
- viii. Menyediakan laporan pelaksanaan Insentif Pembajakan kepada pesawah-pesawah kepada Kementerian.

C. Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) akan memainkan peranan sebagai agen pelaksana dan penyelaras. Tugas-tugas yang akan dimainkan oleh PPK adalah:-

- i. Membuat pendaftaran baru pesawah yang akan menikmati insentif ini. (Borang **SBPKP/IPKP/IIP(1)** seperti di lampiran).
- ii. PPK sebagai wakil LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak mendaftar semua pemilik jentera yang ingin memberi perkhidmatan dalam kawasan pengendaliannya.
- iii. Memastikan hanya pesawah yang berdaftar sahaja menerima insentif pembajakan ini.
- iv. Memperakukan keperluan sebenar perkhidmatan yang diperlukan oleh para pesawah mengikut musim/pusingan kerja.
- v. Merekod dan menyelenggara pesanan perkhidmatan oleh pesawah-pesawah/pengusaha.
- vi. Menyemak tuntutan yang di terima daripada Pemilik Jentera di Borang **IPKP-3/Kupon BKIP KADA** dari segi:-
 - a) Keluasan berdaftar dan dibajak.
 - b) Pendaftaran Pemilik Jentera.
 - c) Pengesahan oleh Pesawah/ Pengusaha-pengusaha sawah dan pengesahan kerja oleh PPK/Jabatan Pertanian
- vii. Mengesahkan bahawa lot-lot tanah di sesuatu kawasan (Unit Peladang/Kampong/Block) telah menjalankan kerja-kerja pembajakan dan membuat pemeriksaan sekiranya ada pertikaian
- viii. Mengumpul dan mengemukakan senarai tuntutan bayaran oleh pemilik jentera dan dikemukakan kepada LPP Negeri/ KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak.

- ix. Menyediakan laporan kemajuan pelaksanaan insentif setiap musim.

D. Pesawah

Pesawah merupakan sasaran penerima manfaat daripada insentif ini. Bagi membolehkan mereka memperolehnya pesawah-pesawah perlu memainkan peranannya seperti berikut:-

- i. Mendaftar dengan PPK dengan mengisi **SBPKP/IPKP/IIP(1)** bagi melayakkan mereka mendapat manfaat dari insentif ini.
- ii. Pesawah-pesawah dikehendaki mengemaskini pendaftaran sekiranya berlaku perubahan keluasan tanah sawah yang diusahakan.
- iii. Pesawah mestilah mendapatkan khidmat pembajakan dari pemilik-pemilik jentera pembajak yang berdaftar dengan LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak.
- iv. Mengesahkan perkhidmatan yang telah dilakukan oleh pemilik jentera bagi membolehkan pemilik jentera pembajak membuat tuntutan pada **Bahagian D-** Dokumen **IPKP-3/ Kupon BKIP KADA**
- v. Membuat pembayaran (selepas ditolak bantuan insentif) kepada pemilik-pemilik jentera pembajak.
- vi. Menanam sawah yang telah dibajak.

E. Pemilik-Pemilik Jentera Pembajak

Pemilik traktor **dua roda atau empat roda** adalah pihak yang akan

menjalankan kerja-kerja pembajakan yang telah dipilih oleh pesawah. Pemilik-pemilik jentera pembajak boleh terdiri dari pihak-pihak seperti berikut:-

- a. PPN Jentera
- b. PPK yang mempunyai jentera pembajak sendiri
- c. Syarikat atau pihak swasta
- d. Peladang/pesawah yang memiliki jentera pembajak
- e. Jabatan/Agensi yang mempunyai jentera pembajak yang memberi perkhidmatan

Di antara tugas-tugas pemilik-pemilik jentera pembajak adalah seperti berikut:-

- i. Mendaftar jentera yang dimiliki yang akan memberi perkhidmatan dengan LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak melalui mana-mana PPK menggunakan **Borang IPKP-2**. dan boleh berkhidmat dimana-mana kawasan.
- ii. Membajak sawah pesawah yang memerlukan perkhidmatan mereka.
- iii. Membuat tuntutan insentif ini melalui PPK dalam lingkungan kawasan perkhidmatannya pada kadar RM100/hektar.
- iv. Membuat tuntutan baki bayaran upah pembajakan (setelah ditolak bantuan insentif) dari pesawah-pesawah secara langsung.

5.0 KRITERIA PEMBERIAN

- 5.1 Pemberian bantuan upah pembajakan melalui insentif pembajakan kepada pesawah ini meliputi semua kawasan padi termasuk kawasan semusim dan dua musim.
- 5.2 Pemberian insentif pembajakan ini akan diberi kepada pesawah dalam bentuk bantuan upah membajak bernilai maksimum RM100.00 sehektar semusim. Walau bagaimanapun bayaran ini dibuat kepada pemilik-pemilik jentera.

- 5.3 Insentif diberikan kepada pesawah yang mengusahakan sawah (tanaman padi) sama ada diatas tanah sendiri, disewa atau dipajak atau lain-lain yang mendapat kebenaran pihak berkuasa berkaitan.
- 5.4 Pesawah mesti mendapatkan khidmat pembajakan dari pemilik-pemilik jentera pembajak yang berdaftar dengan LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak.
- 5.5 Pesawah perlu mendaftar dengan Pertubuhan Peladang Kawasan dan memenuhi syarat berikut:-
 - i. Warga negara Malaysia
 - ii. Pesawah yang berdaftar dengan LPP, KADA, MADA dan Jabatan Pertanian Sarawak

6.0 MODUS OPERANDI INSENTIF PEMBAJAKAN KEPADA PESAWAH-PESAWAH

6.1 Pendaftaran Pesawah dan Pemilik-pemilik Jentera Pembajak

i. Pendaftaran Pesawah yang layak menerima insentif pembajakan

Hanya pesawah/pengusaha dan lot tanah yang berdaftar, layak menerima manfaat daripada insentif ini. Mereka hendaklah mendaftar menggunakan borang **SBPKP/IPKP/IIP (1)** dan perlu mengemaskini pendaftaran setiap musim.

ii. Pendaftaran Pemilik-pemilik Jentera Pembajak

Hanya pemilik-pemilik jentera pembajak yang berdaftar dengan LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak sahaja layak memberi perkhidmatan. Pendaftaran menggunakan Borang **IPKP-2** seperti panduan Mendaftar Pemilik Jentera Insentif Pembajakan Kepada Pesawah. Pemilik Jentera hanya perlu mendaftar hanya sekali sahaja dan serah di LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak

6.2 Permohonan, Penerimaan Perkhidmatan Oleh Pesawah dan Penyediaan Perkhidmatan Oleh Pemilik Jentera Pembajak

- i. Pesawah/Pengusaha boleh mendapatkan borang permohonan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah-pesawah (**IPKP-3/ Kupon BKIP KADA**) di PPK berhampiran dengan mengemukakan nombor pendaftaran SBPKP/IPKP/IIP (1) beserta salinan kad pengenalan.
- ii. Pesawah (Jika perlu di bantu oleh PPK) perlu mengisi borang **IPKP3/ Kupon BKIP KADA (Bahagian A dan B)** dengan lengkap dan serahkan kepada PPK.
- iii. PPK membuat semakan dan mengisi bahagian **C IPKP-3/KUPON BKIP KADA dengan lengkap**. Borang **IPKP-3/KUPON BKIP KADA** yang telah disemak berdasarkan pendaftaran yang telah diluluskan dan disokong perlu diserahkan kepada pesawah untuk diserahkan kepada pemilik jentera pembajak yang akan membajak sawah mereka.
- iv. Pemilik-pemilik jentera pembajak yang menerima borang **IPKP-3/KUPON BKIP KADA**, boleh memberi perkhidmatan mereka (membajak sawah). Pesawah akan mengesahkan perkhidmatan yang telah diberikan oleh pemilik-pemilik jentera dengan mengisi bahagian **D** pada **IPKP-3/KUPON BKIP KADA** dan menyerah kepada pemilik-pemilik jentera pembajak untuk membuat tuntutan.

6.3 Tuntutan Bayaran Pemilik-pemilik Jentera Pembajak kepada LPP Melalui PPK

- i. Pemilik-pemilik jentera pembajak boleh membuat tuntutan pembayaran kerja dengan mengisi borang **IPKP-4** yang dilampirkan bersama-sama IPKP-3 dan dihantar ke PPK.
- ii. PPK akan menyemak dan mengesahkan borang **IPKP-3/KUPON BKIP KADA dan IPKP-4** yang telah lengkap dan membuat senarai tuntutan pemilik-pemilik jentera pembajak dalam senarai **IPKP-5** dan dikemukakan kepada LPP Negeri/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak.
- iii. LPP Negeri/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak akan memproses bayaran Insentif Pembajakan dan di bayar terus kepada Pemilik Jentera.

6.4 Tuntutan Bayaran Perkhidmatan PPK Kepada LPP/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak

- i) Tuntutan bayaran perkhidmatan dibuat oleh PPK kepada LPP Negeri/KADA/MADA/Jabatan Pertanian Sarawak dengan mengemukakan bil tuntutan bersama **IPKP-5/KUPON BKIP KADA** beserta tuntutan oleh pemilik-pemilik jentera pembajak bagi memudahkan proses bayaran dibuat.
- ii) LPP Negeri/MADA/KADA/Jabatan Pertanian Sarawak akan memproses tuntutan dan seterusnya membuat bayaran terus kepada PPK.

7.0 PENGUATKUASAAN (CADANGAN)

- 7.1 Penyalahgunaan Insentif Pembajakan ditakrifkan sebagai menuntut Insentif Pembajakan bagi kawasan yang tidak dibajak atau membuat tuntutan bertindih.
- 7.2 Tindakan yang boleh diambil oleh PPK apabila berlakunya penyalahgunaan Insentif Pembajakan adalah dengan menggantung kelayakan menerima Insentif Pembajakan selama dua (2) musim berturut-turut setelah diperakukan atau digantung oleh Jawatankuasa Penapis.

8.0 KUATKUASA

Manual Pelaksanaan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah-Pesawah ini berkuatkuasa pada musim menanam 1 Mac 2007.

9.0 PENUTUP

Manual Pelaksanaan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah-Pesawah adalah merupakan garis panduan yang perlu diikuti. Kesesuaian mengikut masa dan keadaan setempat adalah perlu di buat semasa pelaksanaan. Ianya juga mempunyai ruang untuk dimantapkan agar pengurusan insentif ini dapat dipertingkatkan di masa hadapan.

Disediakan oleh:

Bahagian Industri Asas Tani
Lembaga Pertubuhan Peladang Kuala Lumpur
Oktober 2006

Pindaan Kedua
Mesyuarat Penyelarasan Bahagian Industri Asas Tani Dan LPP Negeri Bil 2/2006
Disember 2006

Pindaan Ketiga
Bengkel MOA di Equataria Hotel 26/12/2006

Pindaan Keempat
Perjumpaan dengan Y.B Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani
30 Januari 2007

Pindaan Ke lima
Perbincangan Insentif Pengeliran Padi MOA pada 24. Jan 2007

Pindaan keenam
Mesyuarat Insentif Pengeluaran Padi Di Lake Town pada 5 Feb 2007

Cadangan Pindaan
Bengkel Pematapan IPKP Pada 24 ~ 27 Februari 2008 – IPP Langkawi

Cadangan Pindaan (Persembahan Bengkel)
Bengkel Pematapan IPKP Pada 26 Februari 2008 – IPP Langkawi

Cadangan Pindaan
Mesyuarat Manual Pelaksanaan SBPKP Dan Insentif Pengeluaran Padi
(Bantuan Input pertanian Dan Pembajakan)
Di Bilik Mesyuarat Mustapha Jabar LPP Ibu Pejabat. Pada 24 Mac 2008.

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

No. Pendaftaran :
Tarikh Permohonan :
No. Kad Pengenalan :



IPKP-2
Borang ini diberi percuma

**BORANG PENDAFTARAN PEMILIK JENTERA PEMBAJAK
INSENTIF PEMBAJAKAN KEPADA PESAWAH
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**
(Untuk Diisi Oleh Pemilik Jentera Pembajak)

a. MAKLUMAT PEMILIK JENTERA PEMBAJAK

Nama Pemilik Jentera :
Alamat :
No. Telefon /Hp:
No. Kad Pengenalan/Pendaftaran Syarikat ;
No. Akaun Bank: Nama Bank :

b. MAKLUMAT JENTERA PEMBAJAK

(Dokumen sokongan - salinan geran/resit pembelian/surat sokongan// * pengesahan traktor -2 roda (Ketua Unit Peladang))

Bil	Jenis/Model	Kuasa Kuda	Tahun Diperbuat	No Pendaftaran JPJ/ Chasis	Penempatan	Kawasan Perkhidmatan

* Saya mengesahkan bahawa En. merupakan pemilik jentera pembajak dua roda yang didaftarkan di atas.

Nama :
No. Kad Pengenalan:
Tarikh :
Tanda tangan
(Ketua Unit Peladang/JKKK)

**PERAKUAN PENDAFTARAN PEMILIK JENTERA PEMBAJAK
SKIM INSENTIF PEMBAJAKAN KEPADA PESAWAH
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

No. Pendaftaran
Tarikh Permohonan
No. Kad pengenalan/No. Pendaftaran Syarikat
Nama Pengusaha Traktor/ Syarikat :
Alamat :
.....Poskod:.....

Permohonan tuan/puan telah diluluskan. Sila hadir ke alamat berikut untuk mendapatkan kad pengesahan:

Sila bawa bersama surat ini.

Dikeluarkan oleh :

Tarikh :

Cop Rasmi :

(Pengarah LPP Negeri/Jabatan Pertanian Sarawak/
MADA/KADA)



C. MAKLUMAT PERKHIDMATAN

Bil.	Perkhidmatan Yang Diberikan	Kemampuan Membajak Sehari (ha)
1	Pembajakan sawah pusingan pertama	
2	Pembajakan sawah pusingan kedua	
3	Pembajakan sawah pusingan ketiga	

D. PERAKUAN

BAHAWASANYA, saya yang bernama di atas memberi pengakuan bahawa maklumat yang diberi adalah betul dan benar dan **berjanji akan memberi perkhidmatan berkualiti kepada pesawah. Saya juga bertanggungjawab di atas kerosakan infrastruktur pengairan dan saliran semasa memberi perkhidmatan pembajakan.**

Tarikh :

.....
Tanda tangan/Cop Syarikat
Pemilik Jentera Pembajak



IPKP-4

Diisi Oleh Pemilik Jentera Pembajak

PENYATA TUNTUTAN PEMBAYARAN PERKHIDMATAN MEMBAJAK SAWAH
INSENTIF PEMBAJAKAN KEPADA PESAWAH

PPK :

Musim : (M1/M2) /Tahun

BAYARAN UPAH PERKHIDMATAN PEMBAJAKAN

Nama Pemilik Jentera/Syarikat :

No. Kad Pengenalan/No Daftar Syarikat :

No. Akaun Bank :

Nama Bank :

No. Pendaftaran Pengusaha Traktor :

Bil.	Nama Pesawah Yang Diberi Perkhidmatan	No. Pendaftaran Pengusaha Sawah	No. Pendaftaran Jentera	No. Siri IPKP-3 (Dilampirkan)	Keluasan Sawah Yang Dibajak (ha)	Amaun Tuntutan (RM)
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						
9.						
				Jumlah		

Disediakan Oleh :
(Tandatangan Pemilik Jentera)

Disahkan Oleh :
(Tandatangan Pengurus Besar PPK)

Nama:

Jawatan :

Tarikh :

** Nota : Pemilik Jentera hendaklah melampirkan borang IPKP-3 bagi tuntutan ini.

